

# MANIFESTASI PEMBANGUNAN WAKAF MELALUI KAEDEAH STRATEGI LAUTAN BIRU DALAM KELESTARIAN HARTA WAKAF DI MALAYSIA

## *MANIFESTATION OF WAQF DEVELOPMENT THROUGH THE BLUE OCEAN STRATEGY METHOD IN THE SUSTAINABILITY OF WAQF ASSETS IN MALAYSIA*

Sakinatul Raadiyah Abdullah<sup>1\*</sup>

Surita Hartini Mat Hassan<sup>2</sup>

Che Khadijah Hamid<sup>3</sup>

Salimah Yahaya<sup>4</sup>

Shahirah Said<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Merbok, Kedah, Malaysia.

(E-mail: [sakinatulraadiyah@uitm.edu.my](mailto:sakinatulraadiyah@uitm.edu.my))

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Raub, Pahang, Malaysia.

(E-mail: [suritahartini@uitm.edu.my](mailto:suritahartini@uitm.edu.my))

<sup>3,4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia.

(E-mail: [chekhadijah@uitm.edu.my](mailto:chekhadijah@uitm.edu.my), [salimahyahaya@uitm.edu.my](mailto:salimahyahaya@uitm.edu.my))

<sup>5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh, P. Pinang, Malaysia.

(E-mail: [shahirah4572@uitm.edu.my](mailto:shahirah4572@uitm.edu.my))

\*corresponding author

### Article history

**Received date** : 22-7-2024

**Revised date** : 23-7-2024

**Accepted date** : 15-8-2024

**Published date** : 30-8-2024

### To cite this document:

Abdullah, S. R., Mat Hassan, S. H., Hamid, C. K., Yahaya, S., & Said, S. (2024). Manifestasi pembangunan wakaf melalui kaedah strategi lautan biru dalam kelestarian harta wakaf di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 60 – 67.

**Abstrak:** Wakaf merupakan aspek penting dalam filantropi Islam yang bertujuan untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Kekuatan instrumen kehartaan Islam ini telah terbukti berjaya khususnya dalam meningkatkan kekuatan ekonomi dan sosial masyarakat Islam. Namun, dalam konteks zaman kontemporari, terdapat cabaran dalam pengurusan dan penggunaan harta wakaf secara efektif untuk kepentingan yang maksimum. Strategi Lautan Biru merupakan suatu revolusi dalam strategi perniagaan dan inisiatif kaedah global ini menggabungkan kreativiti dan inovasi dalam perancangan perniagaan dan operasi bagi menguasai pasaran yang tidak terbatas. Konsep ini turut membekalkan satu cara yang kreatif dan sistematis dalam mewujudkan nilai tinggi dengan kos rendah. Inisiatif ini turut wujud dalam pelaksanaan kaedah pembiayaan pembangunan wakaf sebagai salah satu usaha pihak kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan dana untuk membangunkan tanah wakaf. Strategi ini juga terkenal dengan pendekatannya yang inovatif dalam mencipta ruang pasaran

yang tidak bersaing, menyediakan peluang untuk menghidupkan semula sektor wakaf dengan mengenal pasti laluan baru untuk pembangunan dan kelestarian. Justeru itu, objektif kajian ini adalah mengenalpasti kaedah pembangunan wakaf yang seiring dengan kaedah strategi lautan biru yang telah dilaksanakan di Malaysia dan kedua menganalisis bagaimana kaedah ini dapat dijadikan sebagai satu langkah dalam merangka dan melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan harta wakaf yang kreatif dan bersifat transformatif kepada negara. Pengumpulan data diperolehi daripada kajian dokumen. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa wakaf dan Strategi Lautan Biru boleh digabungkan untuk memaksimumkan manfaat kepada masyarakat dan negara. Integrasi kedua-dua strategi ini boleh membantu dalam membangunkan harta wakaf dengan memastikan harta wakaf dapat memberi manfaat kepada masyarakat serta membantu membangunkan pembangunan komuniti yang mampan di Malaysia.

**Kata kunci:** Pembangunan wakaf, strategi lautan biru, harta wakaf

**Abstract:** Waqf is an important aspect of Islamic philanthropy aimed at contributing to the welfare of society. The strength of this Islamic wealth instrument has been proven successful, especially in enhancing the economic and social strength of the Muslim community. However, in the context of contemporary times, there are challenges in the management and effective use of waqf assets for maximum benefit. The Blue Ocean Strategy is a revolution in business strategy and this global initiative combines creativity and innovation in business planning and operations to dominate an unbounded market. This concept also provides a creative and systematic way to create high value at low cost. This initiative is also present in the implementation of financing methods for waqf development as one of the government's efforts to address the lack of funds for developing waqf land. This strategy is also renowned for its innovative approach in creating uncontested market space, providing opportunities to revitalize the waqf sector by identifying new pathways for development and sustainability. Therefore, the objective of this study is to identify waqf development methods that align with the Blue Ocean Strategy methods implemented in Malaysia and secondly to analyze how this method can be used as a step in designing and implementing creative and transformative waqf asset development initiatives for the country. Data collection was obtained from document studies. Data were analyzed using content analysis methods. The study found that waqf and the Blue Ocean Strategy can be combined to maximize benefits to society and the nation. The integration of these two strategies can help in developing waqf assets by ensuring that waqf assets benefit society and help develop sustainable community development in Malaysia.

**Keywords:** Development of waqf, blue ocean strategy, waqf assets

## Pengenalan

Wakaf merupakan antara salah satu instrumen kewangan dalam institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen kerohanian dan kebendaan melalui pemberian manfaat kebaikan dan ekonomi kepada masyarakat serta golongan yang memerlukan (Ghazalia & Raffar, 2021). Menyedari kepentingan wakaf kepada pembangunan ekonomi ummah, usaha yang berterusan untuk meningkatkan kejayaan menerusi dana wakaf ini sentiasa dilakukan dengan usahasama kerajaan dengan para pengkaji wakaf kontemporari. Antaranya ialah dengan pelaksanaan kaedah strategi lautan biru dalam pembangunan harta wakaf. Hakikatnya, wakaf adalah instrumen filantropi Islam yang penting dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam. Di Malaysia, pembangunan mampan aset wakaf adalah penting untuk memaksimumkan manfaatnya. Pelaksanaan Strategi Lautan Biru boleh menyediakan pendekatan inovatif untuk meningkatkan kecekapan dan impak aset wakaf.

Antara teras utama dan dasar kerajaan menerusi strategi lautan biru atau Blue Ocean Strategi adalah untuk meningkatkan produktiviti daya saing negara ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju (Zaki & Sulong, 2019). Pendekatan strategi lautan biru ini membolehkan segala kepentingan dan keperluan rakyat dipenuhi, sesuai dengan hasrat kerajaan untuk memenuhi janji dan manifesto pilihan raya parti masing-masing. Selari dengan itu, dalam usaha untuk memartabatkan pembangunan harta wakaf, strategi lautan biru ini diaplikasikan agar harta wakaf di Malaysia benar-benar dapat memberi manfaat yang maksimal kepada masyarakat. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif pertama iaitu mengenal pasti kajian-kajian lepas dalam melihat potensi pelaksanaan kaedah strategi lautan biru dalam pembangunan harta wakaf di Malaysia. Objektif kedua pula, menganalisis kaedah yang dapat dijadikan sebagai satu langkah dalam merangka dan melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan harta wakaf yang kreatif dan bersifat transformatif kepada negara.

## Sorotan Literatur

Terdapat 3 perbincangan utama melibatkan beberapa kajian-kajian lepas yang akan disorot berdasarkan fokus kajian. Antaranya adalah melibatkan elemen seperti berikut:

### Kaedah Pembiayaan Wakaf di Malaysia

Kecekapan dalam penggunaan harta wakaf mampu memberikan impak yang positif terhadap prestasi institusi wakaf. Majlis Agama Islam Malaysia (MAIN) merupakan pemegang amanah tunggal harta wakaf di Malaysia perlu lebih efektif, cekap dan sistematik dalam mengurus tadbir harta wakaf terutamanya berkaitan dengan kaedah pembiayaan harta wakaf. Pembiayaan harta wakaf ini merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk mendapatkan modal bagi membiayai projek pembangunan harta wakaf.

Kecekapan Kajian Romli et. al., (2019), menyatakan kaedah pembiayaan yang diamalkan oleh mutawalli wakaf di Malaysia dapat dikategorikan kepada dua iaitu tradisional dan moden. Kaedah tradisional melibatkan pelaksanaan konsep Ijarah seperti pajakan dan sewaan. Kaedah moden pula melibatkan pelaksanaan kaedah bina, kendali dan pindah atau juga lebih dikenali sebagai B.O.T (Build, Operate, Transfer) dan kaedah secara usahasama atau perkongsian ekuiti dan pendapatan (Join venture). Menurut mereka lagi pelaksanaan kaedah moden lebih sesuai dan sistematik dilaksanakan pada masa kini sesuai dengan perubahan teknologi dan keadaan semasa.

Pelaksanaan kaedah Ijarah dalam membangunkan harta wakaf telah mendapat perhatian kumpulan pengkaji Mohamad Akhir et. al., (2021). Kajian mereka mendapati pelaksanaan

konsep Ijarah sangat sesuai dilaksanakan di Sekolah Tahfiz Swasta untuk menjamin kelestariannya. Hal ini kerana menurut mereka Ijarah merupakan kaedah yang sesuai untuk mengembangkan serta menginovasikan tanah wakaf. Tambah mereka lagi keperluan terhadap pembangunan tanah wakaf Sekolah tahfiz sangat mendesak ekoran permintaan terhadap sekolah semakin meningkat pada masa kini.

Kamal dan Seman (2017) pula mengkaji tentang potensi pelaksanaan kaedah pembiayaan oleh MAIN untuk dilaksanakan di Institusi pengajian tinggi (IPT). Kajian mereka mendapati terdapat lima mekanisme pembiayaan pembangunan harta wakaf yang telah dilaksanakan oleh MAIN iaitu 1) secara terus melalui sumbangan orang ramai bagi tujuan wakaf; 2). Kolaborasi dan kerjasama strategik dengan syarikat korporat, swasta atau syarikat berkaitan kerajaan (Government Linked Company); 3). Menggunakan dana zakat untuk membangunkan tanah wakaf; 4). Kerjasama antara kerajaan iaitu Yayasan Wakaf malaysia (YWM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan MAIN; 5). Penggunaan semula hasil atau manfaat wakaf yang telah dibangunkan. Menurut mereka lagi kelima-lima mekanisme tersebut sangat berpotensi dan sesuai dilaksanakan di IPT.

Berdasarkan kajian Abdullah et. al., (2021) pula kaedah pembiayaan harta wakaf boleh dilakukan secara langsung melalui wakaf tunai, wakaf kaki dan wakaf Irsyad. Kaedah langsung ini dapat memberi peluang kepada lebih ramai masyarakat untuk berwakaf kerana jumlah wang yang dikutip sangat rendah dan tidak membebankan semua lapisan masyarakat. Tambah mereka lagi dengan kaedah ini dana terkumpul dapat membantu membangunkan harta wakaf.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dirumuskan terdapat pelbagai kaedah pembiayaan harta wakaf yang telah dilaksanakan di Malaysia. Terdapat dua kategori iaitu tradisional dan moden. Kedua-dua kategori tersebut mempunyai kelebihan yang tersendiri. Pemilihan kaedah pembiayaan yang bersesuaian bergantung kepada keperluan dan keupayaan mutawalli mengendalikan pembangunan harta wakaf untuk menjamin kelestarian manfaat wakaf.

### **Integrasi Pembangunan Wakaf**

Hasil kajian lepas mendapati kaedah mengintegrasikan wakaf dengan sesuatu yang lain dapat memangkin potensi mengembangkan wakaf dengan lebih efektif. Kajian yang dilakukan oleh Noor Syahidah (2019) mendapati wakaf yang diintegrasikan dengan ijarah (pajakan) untuk kelestarian sekolah tahfiz swasta mampu memberi manfaat dan keuntungan kepada pelbagai pihak. Kaedah integrasi ini turut diaplikasikan di Indonesia dan dilihat mampu meningkatkan pembangunan wakaf. Kebanyakkan pondok di sini memajukan institusi mereka dengan mengembangkan harta wakaf dengan kaedah ijarah. Antara contoh institusi di Indonesia yang menggunakan kaedah ijarah adalah Pesantren Walisongo Ngabar (Anita, 2015) dan Pesantren Miftahul Ulum al-Yasari (Hasan Asya'ari, 2016).

Berdasarkan kajian Muhamad Imam Syairozi (2017) mendapati integrasi merupakan dua gabungan sehingga menjadi satu pembaharuan yang lebih utuh dan dapat memberi manfaat yang lebih besar. Kajian yang dilakukan beliau adalah mengintegrasikan wakaf dan kaedah sukuk yang dilihat berpotensi untuk membangunkan aset-aset wakaf dengan kaedah pelaburan. Menerusi kajian yang dilakukan oleh Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi (2019), mengintegrasikan wakaf dengan pembiayaan mikro Islam mampu menjadi satu solusi khusus dalam membantu golongan miskin. Terdapat juga inisiatif kajian terbaru oleh Siska Lis Sulistiani (2023) untuk mengintegrasikan wakaf dengan pelaburan haji. Berdasarkan kajian ini

pelaburan boleh dilakukan dengan menjalinkan kerjasama untuk mencapai manfaat yang lebih besar bagi perkembangan wakaf di Indonesia.

Justeru, berdasarkan dapatan kajian lepas telah menjadi pemangkin penghasilan artikel ini untuk mengintegrasikan wakaf dan Strategi Lautan Biru. Integrasi kedua-dua strategi ini boleh membantu dalam membangunkan harta wakaf dengan memastikan harta wakaf dapat memberi manfaat kepada masyarakat serta membantu membangunkan pembangunan komuniti yang mampan di Malaysia.

### **Pembangunan Wakaf melalui Kaedah Strategi Lautan Biru**

Pembangunan wakaf dan strategi Lautan Biru adalah dua bidang yang berbeza, namun mereka mempunyai beberapa persamaan dalam hal pembangunan ekonomi. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk memanfaatkan potensi pembangunan wakaf menerusi kaedah strategi Lautan Biru. Hakikatnya, Wakaf dan Strategi Lautan Biru mempunyai potensi untuk digabungkan bagi memaksimumkan manfaat kepada masyarakat dan negara. Kajian-kajian lepas yang telah dijalankan menunjukkan bahawa wakaf dan Strategi Lautan Biru boleh diintegrasikan untuk memajukan pembangunan wakaf dalam sektor-sektor tertentu termasuklah sektor pertanian.

Kajian Noor, N. A. M., & Omar, N. (2020) melalui tajuk Pembangunan Wakaf Lautan Biru Malaysia: Isu dan Cabaran telah memfokuskan kepada isu dan cabaran yang wujud dalam membangunkan tanah tanah secara umumnya. Berbeza dengan kajian Samsudin, S. F., & Jusoh, M. R. (2020) yang menjelaskan peranan Strategi Lautan Biru dalam Memperkasakan Pengurusan Wakaf di Malaysia dan selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail, S. S., Samsudin, S. F., & Yusoff, W. F. W. (2021) yang turut membincangkan berkaitan strategi ini dalam Pembangunan Wakaf di Malaysia. Hakikatnya, kajian-kajian lepas yang telah dilakukan telah mengeksplorasi konsep strategi Lautan Biru dalam konteks pembangunan wakaf di Malaysia, termasuk isu dan cabaran yang dihadapi serta peran strategi tersebut dalam memperkuat pengelolaan dan pengembangan wakaf. Berdasarkan olahan kajian-kajian lepas ini jelas membuktikan bahawa wakaf dan Strategi Lautan Biru boleh digabungkan untuk memaksimumkan manfaat kepada masyarakat dan negara. Integrasi kedua-dua strategi ini boleh membantu memajukan sektor pertanian negara dan membangunkan tanah wakaf dengan usaha dan tindakan yang berkualiti tinggi. Selain itu, gabungan kedua-dua strategi ini juga dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat, serta membantu membangunkan pembangunan komuniti yang mampan di Malaysia. Oleh itu, penting untuk terus mengkaji dan mengaplikasikan strategi ini secara efektif bagi memaksimumkan manfaat kepada masyarakat dan negara.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian adalah secara kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisisan. Kaedah kualitatif digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang lebih bersifat penerokaan dan kompleks. Data diperolehi melalui sumber data sekunder secara kaedah perpustakaan melalui penelitian kepada artikel dan penyelidikan terdahulu dilakukan secara menyeluruh seterusnya dianalisis secara deskriptif. Kajian ini menggunakan data sekunder. Data sekunder adalah data yang dikumpul dan dianalisis oleh orang atau organisasi lain untuk tujuan tertentu, tetapi kemudian digunakan oleh penyelidik lain untuk menjawab soalan kajian yang berbeza. Proses menganalisis dapatan kajian adalah berdasarkan data yang diperoleh secara analisis kajian-kajian terdahulu yang memenuhi tema-tema kajian dan diolah sesuai dengan objektif kajian yang ditetapkan. Data yang dikumpul dalam kajian kualitatif

adalah bersifat deskriptif maka ia memerlukan analisis data yang berbeza dengan kaedah kuantitatif.

### Dapatan Kajian

Kajian tentang wakaf menggunakan kaedah Strategi Lautan Biru untuk pembangunan harta wakaf adalah satu kajian yang memfokuskan kepada gabungan antara konsep wakaf dengan kaedah Strategi Lautan Biru dalam membangunkan harta wakaf di Malaysia. Hakikatnya, potensi kaedah ini telah diaplikasikan dalam pembangunan harta wakaf seterusnya terbukti telah membantu dalam keberkesanan pelaksanaan wakaf khususnya di Malaysia.

Dapatan kajian yang diperoleh melalui kajian literatur terhadap kajian-kajian lepas yang telah dijalankan dalam konteks pembangunan harta wakaf menggunakan kaedah Strategi Lautan Biru. Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah Strategi Lautan Biru dapat digunakan untuk membangunkan harta wakaf di Malaysia melalui pelaksanaan projek-projek yang berorientasikan kepada industri perikanan dan pelancongan di kawasan pantai dan laut. Gabungan konsep wakaf dan kaedah Strategi Lautan Biru dalam pembangunan harta wakaf dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat setempat, serta memberi manfaat kepada ekonomi negara melalui pembangunan sektor perikanan dan pelancongan yang berkualiti tinggi. Di samping itu, gabungan ini juga dapat membantu membangunkan pembangunan komuniti yang mampan dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Antaranya, dalam usaha membangunkan sistem maklumat dalam memadankan kod-kod yang digunakan di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), terdapat usaha MAIN bekerjasama dengan syarikat tertentu dalam mewujudkan strategi lautan biru ini sekaligus telah mewujudkan sistem dengan keperluan JAWHAR untuk mengambil kira keperluan semua pihak seumum mungkin. Ini termasuklah kod-kod Status Tanah, Kegunaan Tanah, dan lain-lain. Akhirnya, kod-kod dari Sistem Bank Tanah MAIK ijadikan sebagai asas untuk mendefinisikan kod-kod. Kedua, Penyeragaman Struktur Data Tanah. Sistem e-Wakaf telah cuba menyeragamkan struktur data tanah berdasarkan struktur dan peristilahan dan tafsiran yang diguna pakai oleh negeri-negeri masing-masing. Contohnya, keluasan menggunakan pelbagai unit ukuran: meter persegi, kaki persegi, ekar, ekar dan depa, hektar, rod dan pole dan sebagainya.

Secara tuntasnya, pelaksanaan kaedah strategi lautan biru dalam pembangunan harta wakaf di Malaysia telah dilaksanakan dengan pelbagai dimensi. Hasil dapatan kajian yang diperoleh mendapati kaedah ini telah dilaksanakan menerusi pembangunan hotel wakaf di mana pembangunan ini diaplikasi melalui model-model self-financing dan gabung jalin bersama dengan syarikat-syarikat korporat yang terpilih. Selain itu, strategi melalui pendekatan ini telah wujud dalam pelaksanaan pembangunan tanah wakaf sebagai salah satu usaha pihak kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan dana untuk membangunkan tanah wakaf. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) turut terlibat dalam usaha ini dalam memastikan strategi ini dapat dijadikan sebagai satu langkah untuk memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran wakaf terutamanya melibatkan aspek pembangunan tanah wakaf. Oleh yang demikian, pendekatan ini dilihat sebagai satu potensi besar sebagai salah satu mekanisme baru dalam membangunkan tanah wakaf. Hasilnya dapat dilihat bahawa potensi pelaksanaan strategi ini dilaksanakan menerusi pelbagai kaedah yang mana ada yang melibatkan integrasi pembiayaan pembangunan wakaf yang sekaligus menguatkan lagi usaha dalam membangunkan harta wakaf. Dalam konteks pembangunan wakaf, penerapan konsep melalui strategi ini dilihat bersesuaian kerana secara jelas konsep ini memberi kebaikan dalam usaha untuk mentransformasikan kepelbagaiannya pembangunan walaupun melibatkan harta wakaf sekaligus strategi ini merupakan satu pendekatan yang melihat kesan masa hadapan dengan langkah bergerak jauh daripada

pendekatan tradisi kepada pendekatan enam prinsip yang ke arah meningkatkan produktiviti dan insentif kepada pelanggan.

### Kesimpulan

Dalam kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kaedah Strategi Lautan Biru dapat digunakan untuk membangunkan harta wakaf di Malaysia sekaligus dapat memberikan satu potensi yang baik dalam pengurusan pembangunan harta wakaf. Gabungan konsep wakaf dan kaedah Strategi Lautan Biru dalam pembangunan harta wakaf juga dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat setempat serta membangunkan pembangunan komuniti yang mampan dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Oleh itu, penting untuk terus mengkaji dan mengaplikasikan gabungan ini secara efektif bagi memaksimumkan manfaat kepada masyarakat dan negara.

### Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah kerana membiayai penyelidikan ini projek di bawah Geran Penyelidikan MyRA Lepasan PhD (LPhD), nombor rujukan 600-RMC/GPM LPHD 5/3 (154/2021). Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dari segi data pengumpulan dan perkongsian ilmu sepanjang menjalankan kajian ini.

### Rujukan

- Abdullah, S. R., Fazial, F., Hassan, S. H. M., Yahaya, S., & Hamid, C. K. (2021). Potensi pembiayaan pembangunan harta wakaf di malaysia melalui kaedah pembiayaan secara langsung. *Proceedings of the 2nd Kedah International Zakat Conference 2021 (i-KEIZAC 2021)* (494-502). Kedah Zakat International Research Centre.
- Asy'Ari, H. (2016). *Pengelolaan dan Pengembangan Wakaf Produktif di Yayasan Pondok Pesantren Miftahul Ummum al-Yasani* [Undergraduate thesis, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim].
- Fitriana, A. (2015). *Model Pembangunan Wakaf Produktif di Pondok Pesanten Walisongo Ngabar Ponorogo* [Undergraduate thesis, STAIN Ponorogo].
- Ghazalia, S.S., & Raffar, I. N. A. Z. (2021). Kepelbagai bentuk wakaf hak maknawi ke arah pembangunan ummah. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 3(1), 27-36.
- Kamal, A., & Seman, A. C. (2017). Pembiayaan wakaf di Majlis Agama Islam Negeri terpilih: Potensi pelaksanaan di peringkat institusi pengajian tinggi. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 10, 151-185.
- Mohamad Akhir, N. S., Abdullah, S. R., Mohammed Ghazali, A., Mohd Yusof, A. S., & Hussin, R. (2019). Integrasi wakaf dan ijarah: Alternatif dalam kelestarian sekolah Tahfiz swasta di Malaysia. *Proceedings International Conference On Zakat, Tax, Waqf And Economic Development (ZAWED) 2019* (335-348). Islamic Business School, UUM.
- Mohamad Akhir, N. S., Mohd Yusof, A. S., Abdullah, S. R., Mohammed Ghazali, A., & Hussin, R. (2021). Penjanaan hasil wakaf menerusi kaedah ijarah dalam kelestarian sekolah tahfiz swasta di Malaysia. *Voice of Academia (VOA)*, 17(2), 199-209.
- Mohamad Muhammin Mohamad Zaki, M. M. M., & Sulong, J. (2019). Aplikasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam Agihan Zakat Pendidikan di Zakat Pulau Pinang (ZPP). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, 6(2), 55 - 72.
- Romli, S., Zain, M. N. M., Muda, M. Z., & Said, N. L. M. (2019). Pendekatan semasa institusi pengurusan wakaf dalam membangunkan semula tanah wakaf di Malaysia. *Journal of Law and Governance*, 2(1), 66-79.

- Syairozi, M. I., & Cahya, S. B. (2017). Sukuk Al Intifaa: Integrasi Sukuk dan Wakaf dalam Meningkatkan Produktifitas Sektor Wakaf Pendorong Investasi Pada Pasar Modal Syariah. *JPIM (Jurnal Penelitian Ilmu Manajemen)*, 2(2), 386-397.
- Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, M. F., & Ab Rahman, A. (2019). Integrasi wakaf dan pembiayaan mikro Islam: Prospek dan cabaran. *Journal of Fatwa Management and Research*, 16(2), 70-89.
- Sulistiani, Siska Lis. (2023). Waqf crowdfunding model in post-pandemic economic improvement according to Islamic sharia and national law. *Jurnal Ekonomi dan Keuangan Syariah*, 7(1), 73-81.
- Abdullah, S. R., Mat Hassan, S. H., Mohamad Akhir, N. S., & Yahaya, S. (2023). Implementation of the Blue Ocean Strategy in Waqf Development in Malaysia. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 8(SI14), 127–131.
- Mohd Haiyazid Mohammad & Sanep Ahmad. (29 April 2014). *Pembangunan tanah wakaf melalui hotel wakaf: Strategi lautan biru nasional* [Paper presentation]. Seminar Waqf Iqlimi 2014, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mohd. Ali Muhamad Don. (2019). Teori Wakaf, Kepelbagaian dan Contoh Amalan di Malaysia. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 24-39.